

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8

Peruntukan tambahan RM1 bilion sokong syarikat pemula tempatan

Peruntukan tambahan RM1 bilion sokong syarikat pemula tempatan

Dasar jangka panjang, sederhana pastikan penyediaan dana bagi setiap fasa pertumbuhan

Kuala Lumpur: Beberapa dasar jangka panjang dan sederhana sebagai kesinambungan antara trajektori pertumbuhan Malaysia ketika ini dengan Ekonomi MADANI yang menjadi kerangka ekonomi baharu negara.

Ini termasuk dana tambahan RM1 bilion secara padanan di antara kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dengan dana swasta bagi menyokong syarikat pemula tempatan dan mendorong usahawan teknologi.

Dasar berkenaan antara lain termasuk bagi memastikan penyediaan dana bagi setiap fasa syarikat berkenaan berpertumbuhan tinggi.

Ketika ini, Malaysia menduduki tangga ke-20 dunia berdasarkan Laporan Ekosistem Syarikat Pemula Global 2023 dengan nilai ekosistem syarikat pemula Malaysia mencecah AS\$46 billion bagi tempoh separuh pertama 2020 sehingga 2022.

Melangkah ke hadapan, kera-

EKONOMI MADANI *Menghidupkan Negara* **SASARAN JANGKA PENDEK**

Ekonomi MADANI menetapkan sasaran jangka pendek yang sudah pun digerakkan bagi menangani isu segera yang mengesankan rakyat. Ini termasuk:

1. Menyegerakan pelaksanaan projek sekolah dan klinik dalai
2. Menamatkan kemiskinan tegar tahun ini juga

USAHA KERAJAAN

- Bagi mempercepat pelaksanaan projek-projek sekolah & klinik dalai
- Tambah peruntukan
- Mudahkan tatacara perolehan
- Turunkan kuasa pelaksanaan

Bagi menamatkan kemiskinan tegar tahun ini:

- Digerakkan melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat
- Supaya isi rumah miskin tegar punya peluang peningkatan pendapatan & bukan hanya bergantung kepada bantuan tunai
- Memperkenal dan memperkukuh konsep Payung Rahmah


Sumber: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim
Diterbitkan 27 Julai 2023
Infografik Bernama

jaan bersama dengan GLIC akan melabur RM1 bilion dana tambahan secara padanan dengan dana swasta bagi menyokong syarikat pemula tempatan dan mendorong *technopreneur* (usahawan teknologi).

Peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta disediakan bagi mempergiat ekosistem penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi dengan tumpuan kepada keperluan industri, tenaga boleh baharu, keterjaminan makanan serta aktiviti pertumbuhan baharu.

Pergiat latihan keusahawanan

Ini sebahagian usaha mencapai Perbelanjaan Domestik Kasar R&D sebanyak 3.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030 serta meningkatkan kedudukan Malaysia kepada 20 teratas Indeks Inovasi Global menjelang 2025.



Dana tambahan RM400 juta dengan mempergiat program latihan dan pembiayaan untuk golongan sasaran, termasuk wanita dan belia. (Foto hiasan)

Dana tambahan sebanyak RM400 juta juga diwujudkan untuk pinjaman mikro di bawah beberapa agensi, termasuk SME Corp, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, Majlis Amanah Rakyat

(MARA) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

Ini bagi mendukung peluang keusahawanan dengan mempergiat program latihan dan pembiayaan untuk golongan sasaran, termasuk wanita dan belia.